

8.4.2021

Siaran Media
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

SUNGAI MUDA: SIAPA YANG AKAN MENGHENTIKAN TINDAKAN “PERSENDIRIAN” KEDAH?

PULAU PINANG, Khamis, 8.4.2021: Kerajaan Pusat perlu campur tangan untuk menghalang Menteri Besar Kedah (MB) daripada mengambil tindakan “persendirian” yang mengancam perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Undang-undang Persekutuan dan Negeri yang wujud adalah untuk menentukan hak Pulau Pinang dan Kedah terhadap Sungai Muda.

Dari sudut undang-undang, MB Kedah tiada asas yang sah untuk menuntut pembayaran dari Pulau Pinang. Tiada keraguan bahawa jika beliau mempunyai alasan untuk menuntut pembayaran, beliau akan membawa Pulau Pinang ke mahkamah.

Pulau Pinang tidak mencipta pertikaian Sungai Muda ini. Malah, Pulau Pinang tidak pernah mempersoalkan hak-hak riparian Kedah untuk mengabstrak air dari Sungai Muda.

Sebaliknya, MB Kedah secara terbuka mengugut Pulau Pinang untuk menuntut pembayaran. Akhir-akhir ini, beliau telah mengeruhkan lagi keadaan dengan mengumumkan projek infrastruktur baharu di Kedah yang beliau dakwa akan “meghadkan” ketersediaan air mentah dari Sungai Muda untuk Pulau Pinang.

Adakah Kerajaan Persekutuan akan membenarkan MB Kedah “secara persendirian” membahayakan keselamatan bekalan air di Pulau Pinang? Sekiranya beliau diizinkan untuk melakukannya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP tiada pilihan selain memulakan tindakan untuk “mempertahankan” bekalan air bagi 1.776 juta penduduk dan semua perniagaan yang beroperasi di Pulau Pinang dengan apa cara sekalipun.

Ulu Muda dan Sungai Muda: perspektif NCER

Pembalakan dan perlombongan unsur nadir bumi (REE) di Ulu Muda (kawasan tadahan air Sungai Muda) adalah isu yang dibangkitkan oleh MB Kedah, mulai tahun 2020.

Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah menyatakan bahawa hutan hujan seluas 163,000 hektar di Ulu Muda tidak boleh dieksploitasi untuk mendapatkan keuntungan yang segera tetapi tidak mampan. Sebaliknya, Ulu Muda harus dipelihara dengan betul dan dilindungi secara sah sebagai sumber air mentah yang tiada gantinya di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Kita telah berulang kali menyebut bahawa Ulu Muda menadah air mentah untuk 3 negeri NCER: Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Oleh yang demikian, Ulu Muda mesti dianggap sebagai isu NCER. Kesan sosio ekonomi negatif dari kemusnahan Ulu Muda (dengan pembalakan dan potensi perlombongan REE) tidak hanya akan “dirasakan” di Pulau Pinang, tetapi juga di Perlis dan Kedah.

“Kesan” pemulihan Sosio ekonomi dan Covid-19

Dari sudut sosial dan ekonomi, bekalan air untuk rakyat dan semua perniagaan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang mesti sentiasa diberikan keutamaan berbanding pembalakan dan perlombongan REE.

Alasannya adalah mudah:

- Kesejahteraan dan kebajikan 4.2 juta orang di 3 negeri NCER adalah lebih penting daripada potensi pendapatan atau royalti daripada pembalakan dan perlombongan REE.
- Gabungan KDNK Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, yang dianggarkan berjumlah RM147.8 bilion pada tahun 2019, jauh lebih besar daripada pendapatan dari pembalakan dan perlombongan REE.
- Kerajaan Persekutuan memberi tumpuan kepada vaksinasi Covid-19 secara besar-besaran untuk membolehkan pemulihan sosio ekonomi segera. Bekalan air adalah keperluan penting untuk pemulihan sosio ekonomi. Pembalakan dan potensi perlombongan di Ulu Muda akan

menjejaskan keselamatan bekalan air di 3 negeri NCER.

Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, seperti negeri-negeri lain di Malaysia, kini berusaha ke arah pemulihan daripada pandemik Covid-19. Oleh itu, krisis air di NCER, pada waktu ini, akan meningkatkan lagi krisis kesihatan dan juga ekonomi negara.

Jadual berikut menunjukkan perincian sumbangan KDNK pra-Covid-19 dari Perlis, Kedah dan Pulau Pinang pada tahun 2019, serta anggaran hasil cukai Persekutuan dari ketiga-tiga negeri:

Negeri		Anggaran sumbangan KDNK 2019*	Anggaran hasil cukai Persekutuan 2019**
1	Perlis	RM 6.2 bilion	RM 0.7 bilion
2	Kedah	RM 46.9 bilion	RM 5.2 bilion
3	Penang	RM 94.7 bilion	RM10.5 bilion
Jumlah		RM147.8 bilion	RM16.4 bilion

Pulau Pinang sendiri, menyumbang kira-kira RM94.7 bilion kepada KDNK dan anggaran hasil cukai Persekutuan sebanyak RM10.5 bilion pada tahun 2019.

Sekiranya bekalan air Pulau Pinang terganggu, rakyat Pulau Pinang akan menderita. Operasi semua perniagaan, termasuk syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di sini selama beberapa dekad, akan terjejas. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan akan kehilangan berbilion-bilion hasil cukai Persekutuan, serta potensi pelaburan langsung asing (FDI), jika terdapat krisis air di Pulau Pinang.

Lebih-lebih lagi, sekiranya Ulu Muda dan Sungai Muda terjejas, Kerajaan Persekutuan juga akan kehilangan berbilion-bilion lagi hasil cukai Persekutuan dari Perlis dan Kedah.

Keengganan Kedah untuk meminta pampasan Persekutuan “mbingungkan”

MB Kedah dilaporkan meminta RM100 juta setahun untuk memelihara dan melindungi Ulu Muda.

Pada 2019 sahaja, Kerajaan Persekutuan mengumpul kira-kira RM16.4

bilion hasil cukai dari Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Namun, MB Kedah belum secara terbuka meminta pampasan daripada Kerajaan Persekutuan kerana memulihara dan melindungi Ulu Muda untuk kepentingan 3 negeri NCER.

Tiada sebarang penjelasan mengapa Kedah enggan mendapatkan pampasan Persekutuan.

Tentunya, MB Kedah sedar bahawa peratusan cukai yang sangat tinggi yang dibayar oleh rakyat dan perniagaan di Kedah perlu dibayar kepada Kerajaan Persekutuan. Senario cukai Persekutuan yang sama berlaku di Perlis dan Pulau Pinang.

Terima kasih.

Sumber:

* Laporan Sosio Ekonomi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

** *"Tax revenue constitutes 11.1% and non-tax revenue 4%, as percentage of GDP."*

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/11/06/fiscal-policy-2021-highlights>

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my